SAMPEL PERCUMA

Trial STPM Sem 1 Perakaunan Pahang 2022

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 1 MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 1

948/1 **STPM 2022**

PERAKAUNAN

948/1

DUA JAM

MODUL PENTAKSIRAN PDPC

SEMESTER 1

NEGERI PAHANG

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab mana-mana **empat** soalan

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas

Pencukaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan

Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

Kertas soalan ini terdiri daripada 10 halaman bercetak

1.(a) Berikut ialah urus niaga yang tidak berkaitan antara satu sama lain yang diberi oleh pelbagai syarikat dan kaedah dicadangkan untuk menguruskan urus niaga mereka dalam buku-buku akaun.

i. Inventori yang berkos RM24,000 kini mempunyai nilai gantian yang bernilai RM30,000. Untuk memberi satu 'pandangan benar dan saksama' dalam akaun, adalah dicadangkan untuk mencatat inventori kepada RM30,000.

ii. Tanah dan bangunan yang berkos RM60,000 dan telah disusutnilaikan sebanyak RM10,000 kini mempunyai nilai pasaran RM90,000. Adalah dicadangkan untuk mencatat nilai tanah dan bangunan mengikut harga pasaran dan mencatatkan semua lebihan sebagai hasil dalam penyata pendapatan komprehensif.

iii. Inventori bahan mentah berkos RM2,000 kini boleh digantikan dengan RM1,600. Adalah dicadangkan untuk mencatatkan nilai inventori mengikut kos gantian yang lebih rendah.

iv. Penyata pendapatan komprehensif menunjukkan untung sebanyak RM3,000 sebelum mencajkan susut nilai yang telah dihitung oleh akauntan sebanyak RM5,000. Para pengarah memutuskan tidak mencatat belanja susut nilai dalam penyata pendapatan komprehensif supaya tidak menunjukkan kerugian dalam tahun ini.

v. Sebuah syarikat telah membeli sebuah mesin yang paling mahir, yang ingin digunakan untuk beberapa tahun. Dicadangkan untuk mencajkan jumlah kos kepda untung tahun ini atas dasar bahawa jika syarikat dibubarkan, mesin ini tidak akan mempunyai sebarang nilai jualan semula.

Dikehendaki:

Nyatakan prinsip perakaunan yang dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap situasi di atas. [5]

(b) Berikut merupakan Imbangan Duga Syarikat QQ Berhad pada 30 Jun 2021.

Syarikat QQ Berhad
Imbangan Duga Pada 30 Jun 2021

	Debit RM	Kredit RM
Bank	7,820	
Akaun Belum Terima	11,500	
Nota Belum Bayar 8%		8,300
Modal		102,955
Akaun Belum Bayar		18,750
Hasil Perkhidmatan		62,500
Belanja gaji	12,470	
Insurans prabayar	840	
Perabot	7,800	
Susutnilai terkumpul perabot		2,340
Bekalan	3,100	
Hasil faedah		225
Hasil sewa belum terperoleh		1,500
Hasil sewa		7,600
Belanja pelbagai	640	
Premis	160,000	
	204,170	204,170

Maklumat tambahan:

i. Nota belum bayar 8% diperoleh pada 1 Januari 2021 dan akan matang bagi tempoh 3 tahun.

ii. Hasil sewa terperoleh sebanyak RM600 telah diperoleh pada 30 Jun 2021.

iii. Satu pertiga daripada polisi insurans telah tamat tempoh pada 30 Jun 2021.

iv. Susutnilai perabot adalah pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

v. Bekalan dalam tangan pada 30 Jun 2021 adalah sebanyak RM1300.

vi. Belanja pelbagai berjumlah RM280 telah terakru, dan jumlah ini belum direkodkan.

vii. Gaji bulan Jun 2021 sebanyak RM700 belum dibayar kepada pekerja.

viii. Jumlah hasil perkhidmatan termasuk perkhidmatan yang belum disempurnakan lagi yang bernilai RM3,500. Perkhidmatan ini dijangka dapat diselesaikan pada bulan Ogos 2021.

ix. Peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima perlu diwujudkan.

Dikehendaki:

a. Sediakan jurnal pelarasan bagi setiap maklumat tambahan di atas. [9]
b. Sediakan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [6]

3. (a) Jelaskan maksud ekuiti dan liabiliti jangka panjang. Berikan **satu** contoh komponen ekuiti dan **satu** contoh komponen liabiliti jangka panjang. [3]

(b)i. Pada 1 Jul 2021, buku lejar Perniagaan Kofi mempunyai baki liabiliti seperti berikut:

Akaun Belum Bayar	RM8,200
Cukai jualan belum bayar	RM2,300

Urusniaga bagi bulan Julai 2021 adalah seperti berikut:

Jul 1	Mendapat pinjaman RM60,000 dari Maybank Berhad untuk 48 bulan dengan kadar faedah 5% setahun. Bayaran balik ansuran pinjaman dan faedahnya akan dilakukan pada hari terakhir setiap bulan bermula bulan Julai 2021.
Jul 1	Perniagaan Kofi menukarkan status hutangnya daripada Akaun Belum Bayar kepada Nota Belum Bayar 12%, 90 hari.
Jul 5	Menerima cek RM8,200 daripada pelanggan untuk perkhidmatan yang akan diberi pada bulan hadapan.
Jul 6	Belian barang niaga sebanyak RM10,200 daripada Islee Enterprise, RM200 telah dibayar tunai dan bakinya adalah dengan menandatangani nota belum bayar 6% yang tamat dalam tempoh 4 bulan.
Jul 12	Menjelaskan cukai jualan tahun lepas kepada Jabatan Kastam dengan cek.
Jul 17	Perniagaan Kofi didakwa untuk RM16,000 dalam satu kes mahkamah. Walaupun begitu, keputusannya adalah tidak pasti.
Jul 19	Belian barang niaga RM5,200 secara kredit daripada Syarikat Segar Berhad.
Jul 23	Menjual satu keluaran baru secara kredit berjumlah 400 unit pada harga RM52 seunit. Cukai jualan untuk keluaran baru adalah 8%. Perniagaan menganggarkan bahawa 2% daripada nilai jualan perlu diganti dalam masa satu tahun tempoh jaminan.

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal untuk semua urusniaga di atas bagi bulan Julai 2021. [10]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar